

Silat gayung kini kawal

30 DEC 1980
Hilton

pencah silat
KUALA LUMPUR, Isnin. — Sebuah hotel terkemuka di sini mencipta sejarah apabila ia menggunakan ahli-ahli silat untuk mengetatkan sistem keselamatan.

Langkah ini diambil untuk memastikan yang para penghuni hotel dan barang-barang mereka terjamin berikutan berlakunya beberapa rompakan hotel di sini.

Ketua Bahagian Keselamatan Hotel Hilton Encik Mahbob Hj Ahmad, berkata ahli silat tersebut akan diberi tugas sebagai pegawai keselamatan biasa dengan tanggungjawab melatih pegawai-pegawai dan pengawal-pengawal keselamatan yang lain dalam pengetahuan seni mempertahankan diri 'Silat Gayung.'

Latihan

Ahli silat tersebut, Encik Adi Vijaya, 28, telah berkecimpung di alam persilatan gayung selama kira-kira 13 tahun.

Bellau bertekad untuk mendalami silat tersebut selepas dicabar oleh seorang ahli Taekwando.

"Saya tidak mampu mempelajari silat-silat lain termasuk judo dan taekwando kerana terlalu mahal," katanya, "Jadi sebagai pilihan yang maseh lagi terbaik saya mempelajari silat gayung."

"Di samping itu, saya memangpun mempunyai minat ke atas silat tersebut."

Bellau menjadi guru gayung selama 8 tahun di Kedah selepas mendapat didikan dan latihan Mahaguru Silat Gayung Malaysia, Datuk Meor Rahman.

Encik Adi yang sudahpun memulakan tugasnya dengan hotel tersebut pada 16 Disember lepas.

Lima negara akan sertai Kejohanan Silat Asean

31 DEC 1980
PASUKAN Silat Mohamed dari Padang-Indonesia dan pasukan Silat Manai dari Nyala, Thailand, masing-masing telah pun memberikan persetujuan untuk menyertai pertandingan Silat Asean yang akan di adakan di Stadium Negara, Kuala Lumpur awal Mei depan.

Persetujuan tersebut telah di buat oleh Mahaguru Silat Mohamed, Tengku Nara dan Ketua Silat Manai, Encik Abdullah Sudin di Medan dan Hadyai bersama ketua rombongan dan pengelola silat tersebut, Encik Mokhtar Affandi baru-baru ini.

Encik Mohtar Affandi juga selaku Yang Dipertua Persatuan Seni Silat Gerak Suci Selangor dan Beberapa orang jawatankuasa telahpun membuat lawatan ke negara-negara tersebut selama seminggu bagi membincangkan pertandingan itu.

Persiapan-persiapan untuk kejohanan itu telah siap diatur dan Persatuan Seni Silat dan Kebudayaan Gerak Suci Selangor sebagai pengelola.

Encik Mohtar Affandi ketika ditemui memberitahu, segala perbelanjaan bagi peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam per-

pencah silat
**Oleh
HAMZAH NOR**

tandingan itu akan dibayai oleh Persatuan Seni Silat Gerak Suci Selangor termasuk tambang kapal terbang, makan minum dan tempat tinggal.

Katanya lagi, tiap-tiap pasukan (negeri) akan diwakili oleh lima orang peserta termasuk seorang ketua rombongan. Tiap-tiap pasukan dikehendakki mempersembahkan silat tangan kosong dan bersenjata.

Selain itu beliau menegaskan lagi, bahwa hadiah berupakan piala rebutan disediakan disamping hadiah lain

kepada kohan naib johan dan tempat ketiga.

Negara-negara yang dijangka menyertai pertandingan itu ialah Singapura, Filipina, Thailand, Indonesia dan juga Malaysia sendiri.

Encik Mohtar menyatakan, selepas pertandingan, pihaknya akan mengadakan pertunjukan di beberapa buah tempat termasuk di Stadium Kota Raja, Kelang dan Stadium Jujra Teluk Datuk Banting.

Beliau menegaskan lagi, semua peserta yang akan menyertai Kejohanan Silat Asean itu akan diarak dalam satu upacara besar-besaran ketika masuk ke Stadium Negara dengan iringan paluan kompang dan bunga manggar.